



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TAHAP PENDIDIKAN MULTIBUDAYA DALAM KALANGAN GURU SEKOLAH RENDAH DI NEGERI SEMBILAN

SUZANA BINTI MUHAMAD PILUS



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TAHAP PENDIDIKAN MULTIBUDAYA DALAM KALANGAN GURU
SEKOLAH RENDAH DI NEGERI SEMBILAN

SUZANA BINTI MUHAMAD PILUS

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023

**Sila Taipkan (✓):**

Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

/

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada 12 (hari bulan) SEPTEMBER (bulan) 2023.

i. Perakuan pelajar:

Saya, SUZANA BINTI MUHAMAD PILUS P20171000293 FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA (FPM) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk TAHAP PENDIDIKAN MULTIBUDAYA DALAM KALANGAN GURU SEKOLAH RENDAH DI NEGERI SEMBILAN adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROF. MADYA DR. NORWALIZA BINTI ABDUL WAHAB dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk TAHAP PENDIDIKAN MULTIBUDAYA DALAM KALANGAN GURU SEKOLAH RENDAH DI NEGERI SEMBILAN dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah DOKTOR FALSAFAH DALAM SOSIOLOGI PENDIDIKAN.

26.9.2023

Tarikh

Tandatangan Penyelia


 UPSI/IPS-3/BO 31
 Pind.: 01 m/s:1/1

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**
**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS
PROJEK DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

 Tajuk / Title TAHAP PENDIDIKAN MULTIBUDAYA DALAM KALANGAN
GURU SEKOLAH RENDAH DI NEGERI SEMBILAN

 No. Matrik /Matric No.: P2017100293

 Saya / I: SUZANA BINTI MUHAMAD PILUS

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) from the categories below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act, 1972.

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of

 Supervisor)
 PROF. MADYA DR. NORWALIZA ABDUL WAHAB
 Fakulti Pembangunan Manusia
 Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tampin, Melaka
 & (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

 Tarikh: 26.9.2023

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini SULIT @ TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the related authority/organization mentioning the period of confidentiality and reasons for the said confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, dengan izinNya disertasi ini berjaya disiapkan. Dalam usaha mengumpul bahan-bahan kajian, membangunkan perisian dan dokumentasi, penyelidikan telah mendapat bantuan secara langsung dan tidak daripada individu-individu berikut: Profesor Madya Dr. Norwaliza binti Abdul Wahab-Penyelia disertasi yang banyak memberikan panduan dan nasihat, Penyelia Bersama saya Profesor Madya Dr Abdul Talib bin Mohamad Hashim, guru-guru dan pelajar Sekolah Kebangsaan di Negeri Sembilan yang terlibat di dalam kajian ini, para pensyarah Fakulti Pembangunan Manusia yang telah memberikan ilmu dan tunjuk ajar, rakan-rakan sepengajian yang banyak memberi bantuan dan semangat dan insan yang paling setia sepanjang pengajian ini iaitu suami tersayang Abdul Khalid bin Haji Ujang. Keluarga turut memberikan dorongan sepanjang perjalanan pengajian ini. Terakhir, jasa yang tidak akan saya lupakan sepanjang hayat, Dr Jamil bin Ahmad serta isteri Puan Norhayati binti Musa yang sentiasa meberikan sokongan dan kasih saying yang tidak terhingga kepada diri saya.



ABSTRAK

Objektif kajian ini adalah untuk melihat tahap pengetahuan, pelaksanaan dan kepentingan pendidikan multibudaya dalam kalangan guru sekolah rendah di Negeri Sembilan. Reka bentuk kajian ini berdasarkan pendekatan penyelidikan kuantitatif dengan menggunakan kaedah survei. Kajian survei ini menggunakan soal selidik yang telah diadaptasi iaitu Borang Soal Selidik Kajian Pendidikan Multibudaya sebagai instrumen utama bagi mengumpul data berkaitan kajian ini. Kaedah persampelan rawak berstrata telah digunakan di mana 927 orang guru sekolah kebangsaan daripada 103 buah sekolah di seluruh daerah di Negeri Sembilan telah dipilih sebagai responden. Indeks kebolehpercayaan Alpha Cronbach bagi soal selidik bagi mengukur semua aspek dalam kajian ini adalah antara 0.742 hingga 0.934. Pengumpulan data kajian ini dilakukan dengan menggunakan aplikasi *google form*. Data kajian ini dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 26.0. Dua jenis statistik digunakan iaitu statistik deskriptif dan statistik inferensi. Statistik deskriptif iaitu frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai digunakan bagi menghuraikan profil responden dan menjawab persoalan kajian. Statistik inferensi, iaitu MANOVA Satu-Hala dan Regresi Berganda digunakan untuk menguji hipotesis kajian. Kajian ini mendapati tahap pengetahuan guru berkaitan Pendidikan Multibudaya secara keseluruhannya adalah pada tahap sederhana (min=4.226; s.p.=0.490), tahap pelaksanaan guru berkaitan Pendidikan Multibudaya juga pada tahap sederhana (min=4.148; s.p.=0.520) dan tahap kepentingan guru berkaitan Pendidikan Multibudaya secara keseluruhannya adalah pada tahap yang sederhana juga (min=4.355; s.p.=0.567). Manakala tahap kepentingan berkaitan pengurangan prejudis (min=4.428; s.p.=0.663); dan pemeraksanaan budaya sekolah dan struktur sosial (min=4.552; s.p.=0.610) daripada perspektif guru adalah pada tahap yang tinggi. Faktor utama dan tertinggi yang mempengaruhi pelaksanaan pendidikan multibudaya di sekolah ialah pengetahuan guru tentang pendidikan multibudaya (80.1%), diikuti dengan faktor pengalaman mengajar (0.3%) dan persepsi guru terhadap kepentingan pendidikan multibudaya (0.2%).

THE LEVEL OF MULTICULTURAL EDUCATION AMONG PRIMARY SCHOOLS TEACHERS IN NEGERI SEMBILAN

ABSTRACT

The objective of this study is to measure the level of knowledge, implementation and importance of multicultural education among primary school teachers in Negeri Sembilan. The design of this study is based on a quantitative research approach using survey methods. This survey study uses the Multicultural Education Questionnaire that has been adapted as the main instrument to collect data related to this study. A stratified random sampling method was used where 927 national type school teachers from 103 schools in all districts in Negeri Sembilan were selected as respondents. Cronbach's Alpha reliability index for the questionnaire to measure all aspects in this study is between 0.742 to 0.934. Data collection for this study was done using the google form application. The data of this study was analyzed using SPSS software version 26.0. Two types of statistics are used, namely descriptive statistics and inferential statistics. Descriptive statistics ie frequency, percentage, mean and standard deviation are used to describe the profile of the respondents and answer the research questions. Inferential statistics, namely One-Way MANOVA and Multiple Regression were used to test the research hypothesis. This study found that the level of teachers' knowledge related to multicultural education is at a moderate level (mean=4.226; s.d. =0.490), the level of teachers' multicultural education implementation is also at a moderate level (mean=4.148; s.d.=0.520) and the importance of multicultural education among teachers is at a moderate level too (mean=4.355; s.d.=0.567). While the level of importance related to the reduction of prejudice (mean=4.428; s.d.=0.663); and the empowerment of school culture and social structure from the perspective of teachers (mean=4.552; s.d.=0.610) is at a high level. The main and highest factor that affects the implementation of multicultural education in schools is the knowledge of teachers about multicultural education (80.1%), followed by the factors of teaching experience (0.3%) and teachers' perceptions of the importance of multicultural education (0.2%).

ISI KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xv
SENARAI RAJAH	xx
SENARAI SINGKATAN	xxi
SENARAI LAMPIRAN	xxii

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	4
1.3	Pernyataan Masalah	11
1.4	Kerangka Konseptual Kajian	16
1.5	Objektif Kajian	24
1.6	Soalan Kajian	25
1.7	Hipotesis Kajian	26
1.8	Batasan Kajian	28

1.9	Kepentingan Kajian	30
1.10	Definisi Istilah	33
1.10.1	Multibudaya	33
1.10.2	Pendidikan Multibudaya	34
1.10.3	Budaya	34
1.10.4	Bangsa	35
1.10.5	Kaum	35
1.10.6	Etnik	36
1.10.7	Integrasi Isi Kandungan	37
1.10.8	Pembinaan Ilmu Pengetahuan	37
1.10.9	Pedagogi Saksama	38
1.10.10	Pengurangan Prejudis	39
1.10.11	Pemeriksaan Budaya Sekolah dan Struktur Sosial	39
1.10.12	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025	40
1.10.13	Guru Sekolah Rendah	40
1.11	Rumusan	41

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	43
2.2	Model dan Teori Kepelbagaian Budaya	44
2.2.1	Teori Ras Kritikal	45
2.2.2	Pedagogi Responsif Budaya	47
2.2.3	Lima Dimensi Pendidikan Multibudaya	51

2.3	Budaya	59
2.4	Multibudaya	61
2.5	Kajian Mengenai Pendidikan Multibudaya	63
2.5.1	Bilik Darjah Sekolah Kebangsaan di Malaysia	64
2.5.2	Sensitiviti Multibudaya dalam Kalangan Guru Multietnik di Malaysia	65
2.5.3	Amalan Pendidikan Multibudaya di Malaysia	66
2.5.4	Amalan Pendidikan Multibudaya di Prasekolah Malaysia	67
2.5.5	Kesedaran dan Amalan Multibudaya dalam Kalangan Guru Sekolah Rendah di Malaysia	70
2.5.6	Perspektif Guru Terhadap Multibudaya di Sekolah	72
2.5.7	Persepsi Pendidikan Multibudaya di Sekolah Rendah	73
2.5.8	Sikap Guru Terhadap Multibudaya dan Pendidikan Multibudaya Dalam Bilik Darjah	75
2.5.9	Mengkaji Sikap Guru Terhadap Multibudaya Mengikut Pelbagai Pembolehubah	75
2.5.10	Pelaksanaan Pendidikan Multibudaya	77
2.5.11	Kesaksamaan dan Kualiti Dalam Pendidikan	78
2.6	Rumusan	79

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	81
3.2	Reka Bentuk Kajian	82
3.2.1	Kajian Tinjauan	84
3.3	Prosedur Persampelan	86
3.3.1	Pemilihan Sampel Kajian	89
3.4	Instrumen Kajian	91
3.5	Kajian Rintis	94
3.5.1	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Dalam Aspek Integrasi Isi Kandungan	97
3.5.2	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Dalam Aspek Pembinaan Ilmu Pengetahuan Multibudaya	99
3.5.3	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Dalam Aspek Pedagogi Saksama Dalam Konteks Pendidikan Multibudaya	101
3.5.4	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Dalam Aspek Pengurangan Prejudis	103
3.5.5	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Dalam Aspek Pemerkasaan Budaya Sekolah Dan Struktur Sosial	105
3.6	Prosedur Pengumpulan Data	107
3.7	Prosedur Penganalisan Data	109
3.8	Rumusan	112

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	113
4.2	Profil Responden	114

4.3	Dapatan Kajian	117
4.3.1	Tahap Pengetahuan Pendidikan Multibudaya Guru di Sekolah	117
4.3.2	Tahap Pelaksanaan Guru Berkaitan Pendidikan Multibudaya	124
4.3.3	Tahap Kepentingan Berkaitan Pendidikan Multibudaya	131
4.3.4	Perbandingan Tahap Pengetahuan Pendidikan Multibudaya Berdasarkan Jantina Guru	138
4.3.5	Perbandingan Tahap Pengetahuan Pendidikan Multibudaya Berdasarkan Pengalaman Mengajar	144
4.3.6	Perbandingan Tahap Pengetahuan Pendidikan Multibudaya Berdasarkan Lokasi Sekolah	152
4.3.7	Perbandingan Tahap Pelaksanaan Pendidikan Multibudaya Berdasarkan Jantina	156
4.3.8	Perbandingan Tahap Pelaksanaan Pendidikan Multibudaya Berdasarkan Pengalaman Mengajar	162
4.3.9	Perbandingan Tahap Pelaksanaan Pendidikan Multibudaya Berdasarkan Lokasi Sekolah	169
4.3.10	Perbandingan Tahap Kepentingan Pendidikan Multibudaya Berdasarkan Jantina	173
4.3.11	Perbandingan Tahap Kepentingan Pendidikan Multibudaya Berdasarkan Pengalaman Mengajar	180
4.3.12	Perbandingan Tahap Kepentingan Pendidikan Multibudaya Berdasarkan Lokasi Sekolah	191
4.3.13	Pengaruh Pengetahuan Pendidikan Multibudaya, Persepsi Terhadap	195

Kepentingan Pendidikan Multibudaya dan Pengalaman Mengajar Terhadap Pelaksanaan Pendidikan Multibudaya

4.3.14	Pengaruh Aspek-Aspek Dalam Pengetahuan Pendidikan Multibudaya Terhadap Pelaksanaan Pendidikan Multibudaya	200
4.4	Rumusan	207

BAB 5 PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	209
5.2	Ringkasan Kajian	210
5.3	Perbincangan Dapatan Dan Implikasi Kajian	215
5.3.1	Mengenal Pasti Tahap Pengetahuan, Pelaksanaan dan Kepentingan Pendidikan Multibudaya Dalam Kalangan Guru Sekolah Kebangsaan di Negeri Sembilan	215
5.3.1.1	Tahap Pengetahuan Pendidikan Multibudaya Dalam Kalangan Guru Sekolah Rendah di Negeri Sembilan	215
5.3.1.2	Tahap Pelaksanaan Pendidikan Multibudaya Dalam Kalangan Guru Sekolah Rendah di Negeri Sembilan	222
5.3.1.3	Tahap Kepentingan Pendidikan Multibudaya Dalam Kalangan Guru Sekolah Rendah di Negeri Sembilan	230
5.3.2	Mengenal pasti Tahap Pengetahuan, Pelaksanaan dan Kepentingan Pendidikan Multibudaya Berdasarkan Jantina, Pengalaman Mengajar Guru serta Lokasi Sekolah	234

5.3.2.1	Tahap Pengetahuan Pendidikan Multibudaya Guru Berdasarkan Jantina	234
5.3.2.2	Tahap Pengetahuan Pendidikan Multibudaya Guru Berdasarkan Pengalaman Mengajar	237
5.3.2.3	Tahap Pengetahuan Pendidikan Multibudaya Guru Berdasarkan Lokasi Sekolah	240
5.3.2.4	Tahap Pelaksanaan Pendidikan Multibudaya Guru Berdasarkan Jantina	241
5.3.2.5	Tahap Pelaksanaan Pendidikan Multibudaya Guru Berdasarkan Pengalaman Mengajar	243
5.3.2.6	Tahap Pelaksanaan Pendidikan Multibudaya Guru Berdasarkan Lokasi Sekolah	245
5.3.2.7	Tahap Kepentingan Pendidikan Multibudaya Guru Berdasarkan Jantina	247
5.3.2.8	Tahap Kepentingan Pendidikan Multibudaya Guru Berdasarkan Pengalaman Mengajar	249
5.3.2.9	Tahap Kepentingan Pendidikan Multibudaya Guru Berdasarkan Lokasi Sekolah	251
5.3.3	Sumbangan Pembolehubah Pengalaman Mengajar, Tahap Pengetahuan Pendidikan Multibudaya, Persepsi Guru Terhadap Kepentingan Pendidikan Multibudaya Terhadap Pelaksanaan Pendidikan Multibudaya	252
5.3.4	Sumbangan Atau Pengaruh Yang Signifikan Pembolehubah Bebas 5 Dimensi Pendidikan Multibudaya	254

Dalam Kalangan Guru Terhadap Pelaksanaan Pendidikan Multibudaya

5.4	Rumusan Kajian	255
5.5	Cadangan Penambahbaikan Pendidikan Multibudaya	258
5.6	Cadangan Penyelidikan Lanjutan	259
5.7	Penutup	260
RUJUKAN		261

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Perbandingan Penyertaan Murid Mengikut Kaum di Sekolah Kebangsaan di Negeri Sembilan	6
1.2	Peratus Enrolmen Murid Mengikut Kaum di Sekolah Rendah di Negeri Sembilan Sehingga Julai 2023	7
1.3	Bilangan Guru Mengikut Bangsa di Sekolah Rendah di Negeri Sembilan	8
2.1	Komposisi Etnik di dalam Bilik Darjah	58
3.1	Peratus Penduduk Mengikut Pecahan Kaum 2020	87
3.2	Pemilihan Sampel Kajian	90
3.3	Pembahagian Konstruk dan Subkonstruk dalam Soal Selidik Kajian	92
3.4	Nilai Korelasi antara Skor Setiap Item dengan Jumlah Skor yang Diperbetulkan dan Indeks Kebolehpercayaan Alpha Cronbach bagi Aspek Integrasi Isi Kandungan	98
3.5	Nilai Korelasi antara Skor Setiap Item dengan Jumlah Skor yang Diperbetulkan dan Indeks Kebolehpercayaan Alpha Cronbach bagi Aspek Pembinaan Ilmu Pengetahuan Multibudaya	100
3.6	Nilai Korelasi antara Skor Setiap Item dengan Jumlah Skor yang Diperbetulkan dan Indeks Kebolehpercayaan Alpha Cronbach bagi Aspek Pedagogi Saksama dalam Konteks Pendidikan Multibudaya	102
3.7	Nilai Korelasi antara Skor Setiap Item dengan Jumlah Skor yang Diperbetulkan dan Indeks Kebolehpercayaan Alpha Cronbach bagi Aspek Pengurangan Prejudis dalam Pendidikan Multibudaya	104

3.8	Nilai Korelasi antara Skor Setiap Item dengan Jumlah Skor yang Diperbetulkan dan Indeks Kebolehpercayaan Alpha Cronbach bagi Aspek Pemeraksanaan Budaya Sekolah dan Struktur Sosial dalam Pendidikan Multibudaya	106
3.9	Interpretasi Skor Min	110
4.1	Profil Responden Kajian	114
4.2	Skor Min, Sisihan Piawai dan Tahap Pengetahuan Guru Berkaitan Pendidikan Multibudaya	118
4.3	Skor Min, Sisihan Piawai Bagi Setiap Item dalam Setiap Aspek Pengetahuan Guru Berkaitan Pendidikan Multibudaya	119
4.4	Skor Min, Sisihan Piawai dan Tahap Pelaksanaan Guru Berkaitan Pendidikan Multibudaya	125
4.5	Skor Min, Sisihan Piawai bagi Setiap Item dalam Setiap Aspek Pelaksanaan Guru Berkaitan Pendidikan Multibudaya	126
4.6	Skor Min, Sisihan Piawai dan Tahap Kepentingan Berkaitan Pendidikan Multibudaya	132
4.7	Skor Min, Sisihan Piawai bagi Setiap Item dalam Setiap Aspek Kepentingan Berkaitan Pendidikan Multibudaya	133
4.8	Ujian Box'M Perbezaan Pengetahuan Pendidikan Multibudaya Berdasarkan Jantina	139
4.9	Analisis MANOVA Sehal Perbezaan Pengetahuan Pendidikan Multibudaya Berdasarkan Jantina	140
4.10	Min dan Sisihan Piawai Setiap Aspek dalam Pengetahuan Pendidikan Multibudaya Berdasarkan Jantina Guru	141
4.11	Ujian ANOVA Perbandingan Setiap Aspek dalam Pengetahuan Pendidikan Multibudaya Berdasarkan Jantina Guru	142
4.12	Ujian Box'M Perbezaan Pengetahuan Pendidikan Multibudaya Berdasarkan Pengalaman Mengajar	146
4.13	Analisis MANOVA Sehal Perbezaan Pengetahuan Pendidikan Multibudaya Berdasarkan Pengalaman Mengajar	146

4.14	Min dan Sishan Piawai Setiap Aspek dalam Pengetahuan Pendidikan Multibudaya Berdasarkan Pengalaman Mengajar Guru	148
4.15	Ujian ANOVA Perbandingan Setiap Aspek dalam Pengetahuan Pendidikan Multibudaya Berdasarkan Pengalaman Mengajar Guru	149
4.16	Ujian Scheffe Perbandingan Pengetahuan Integrasi Isi Kandungan Berdasarkan Pengalaman Mengajar	150
4.17	Ujian Box'M Perbezaan Pengetahuan Pendidikan Multibudaya Berdasarkan Lokasi Sekolah	153
4.18	Analisis MANOVA Sehal Perbezaan Pengetahuan Pendidikan Multibudaya Berdasarkan Lokasi Sekolah	154
4.19	Min dan Sisihan Piawai Setiap Aspek dalam Pengetahuan Pendidikan Multibudaya Berdasarkan Lokasi Sekolah	155
4.20	Ujian Box'M Perbezaan Pelaksanaan Pendidikan Multibudaya Berdasarkan Jantina	157
4.21	Analisis MANOVA Sehal Perbezaan Pelaksanaan Pendidikan Multibudaya Berdasarkan Jantina	158
4.22	Min dan Sisihan Piawai Setiap Aspek dalam Pelaksanaan Pendidikan Multibudaya Berdasarkan Jantina Guru	159
4.23	Ujian ANOVA Perbandingan Setiap Aspek dalam Pelaksanaan Pendidikan Multibudaya Berdasarkan Jantina Guru	160
4.24	Ujian Box'M Perbezaan Pelaksanaan Pendidikan Multibudaya Berdasarkan Pengalaman Mengajar	163
4.25	Analisis MANOVA Sehal Perbezaan Pelaksanaan Pendidikan Multibudaya Berdasarkan Pengalaman Mengajar	164
4.26	Min dan Sisihan Piawai Setiap Aspek dalam Pelaksanaan Pendidikan Multibudaya Berdasarkan Pengalaman Mengajar Guru	166
4.27	Ujian ANOVA Perbandingan Setiap Aspek dalam Pelaksanaan Pendidikan Multibudaya Berdasarkan Pengalaman Mengajar Guru	167

4.28	Ujian Box'M Perbezaan Pelaksanaan Pendidikan Multibudaya Berdasarkan Lokasi Sekolah	171
4.29	Analisis MANOVA Sehal Perbezaan Pelaksanaan Pendidikan Multibudaya Berdasarkan Lokasi Sekolah	171
4.30	Min dan Sishan Piawai Setiap Aspek dalam Pelaksanaan Pendidikan Multibudaya Berdasarkan Lokasi Sekolah	172
4.31	Ujian Box'M Perbezaan Kepentingan Pendidikan Multibudaya Berdasarkan Jantina	175
4.32	Analisis MANOVA Sehal Perbezaan Kepentingan Pendidikan Multibudaya Berdasarkan Jantina	175
4.33	Min dan Sisihan Piawai Setiap Aspek dalam Kepentingan Pendidikan Multibudaya Berdasarkan Jantina Guru	177
4.34	Ujian ANOVA Perbandingan Setiap Aspek dalam Kepentingan Pendidikan Multibudaya Berdasarkan Jantina Guru	178
4.35	Ujian Box'M Perbezaan Pelaksanaan Pendidikan Multibudaya Berdasarkan Pengalaman Mengajar	181
4.36	Analisis MANOVA Sehal Perbezaan Kepentingan Pendidikan Multibudaya Berdasarkan Pengalaman Mengajar	182
4.37	Min dan Sisihan Piawai Setiap Aspek dalam Kepentingan Pendidikan Multibudaya Berdasarkan Pengalaman Mengajar Guru	184
4.38	Ujian ANOVA Perbandingan Setiap Aspek dalam Kepentingan Pendidikan Multibudaya Berdasarkan Pengalaman Mengajar Guru	185
4.39	Ujian Scheffe Perbandingan Kepentingan Integrasi Isi Kandungan Berdasarkan Pengalaman Mengajar	186
4.40	Ujian Scheffe Perbandingan Kepentingan Pembinaan Ilmu Pengetahuan Multibudaya Berdasarkan Pengalaman Mengajar	187
4.41	Ujian Scheffe Perbandingan Kepentingan Pengurangan Prejudis dalam Konteks Pendidikan Multibudaya Berdasarkan Pengalaman Mengajar	189

4.42	Ujian Scheffe Perbandingan Kepentingan Pemerksaan Budaya Sekolah dan Struktur Sosial dalam Konteks Pendidikan Multibudaya Berdasarkan Pengalaman Mengajar	190
4.43	Ujian Box'M Perbezaan Pelaksanaan Pendidikan Multibudaya Berdasarkan Lokasi Sekolah	192
4.44	Ujian Box'M Perbezaan Pelaksanaan Pendidikan Multibudaya Berdasarkan Lokasi Sekolah	192
4.45	Min dan Sisihan Piawai Setiap Aspek dalam Kepentingan Pendidikan Multibudaya Berdasarkan Lokasi Sekolah	193
4.46	Analisis Regressi Berganda (Stepwise) Pembolehubah yang Mempengaruhi Pelaksanaan Pendidikan Multibudaya	197
4.47	Analisis Varians	198
4.48	Analisis Regressi Berganda (Stepwise) Pembolehubah yang Mempengaruhi Pelaksanaan Pendidikan Multibudaya	203
4.49	Analisis Varians	203

**SENARAI RAJAH**

No.Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Konseptual Kajian	18
2.1	Model Dimensi Pendidikan Multibudaya	52
3.1	Kerangka Reka Bentuk Kajian	83
4.1	Plot Normal Regresi (<i>Regression Normal Plot</i>)	197
4.2	Graf Plot Taburan Reja (<i>Residul Scatter Plot</i>)	197
4.3	Plot Normal Regresi (<i>Regression Normal Plot</i>)	202
4.4	Graf Plot Taburan Reja (<i>Residul Scatter Plot</i>)	203



SENARAI SINGKATAN

JPNS	Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
OECD	<i>The Organization for Economic Cooperation and Development</i>
UNEP	<i>United Nations Environment Program</i>
UNESCO	<i>United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization</i>

SENARAI LAMPIRAN

- A Surat Kebenaran Menjalankan Kajian ke Sekolah-sekolah di Negeri Sembilan Darul Khusus di Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia
- B Kelulusan Bersyarat untuk Menjalankan Kajian: Pendidikan Multibudaya dalam Kalangan Guru Sekolah Rendah di Negeri Sembilan
- C Borang Soal Selidik Kajian Pendidikan Multibudaya Dalam Kalangan Guru Sekolah Kebangsaan di Negeri Sembilan

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai kepelbagaian kaum dan agama. Tiga kaum terbesar adalah Melayu, Cina dan India diikuti oleh etnik minoriti termasuk Orang Asli di Semenanjung Malaysia serta Orang Asal di Malaysia Timur iaitu Iban, Melanau, Kadazan dan lain-lain (JZ Nun Ramlan & Maarof, 2014). Kerajaan Malaysia sangat berhati-hati dalam menangani isu-isu yang melibatkan antara kaum bagi mengelakkan sebarang kejadian yang boleh menimbulkan tragik dan keganasan (Awang-Shuib et al., 2017). Risiko atau sikap perkauman dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum adalah semakin membimbangkan. Berdasarkan laporan Berita Harian bertarikh 22 September 2018, Timbalan Menteri di Jabatan Perpaduan Negara dan



Kesejahteraan Sosial dipetik sebagai berkata bahawa kerajaan menyedari aspek perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di negara ini masih rapuh dan perlu diperkukuhkan. Perkara atau isu kecil boleh menggugat keharmonian masyarakat di negara ini.

Di sekolah, pelajar dilihat lebih selesa untuk berada bersama-sama dengan rakan-rakan mereka yang terdiri daripada kaum yang sama. Ini kerana pelajar-pelajar tersebut bersekolah di sekolah berbeza aliran iaitu Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) (Ahmad, 2014). Bahasa yang menjadi pilihan adalah bahasa ibunda etnik masing-masing (Vellymalay, 2014). Sehubungan itu, perpaduan kaum perlu dijadikan matlamat asas dalam mengurus negara (Abdullah et al., 2016). Kelebihan multietnik dan budaya yang



ada ini juga perlu dimanfaatkan walaupun pada masa yang sama ianya adalah satu tupsi

perkara yang sangat mencabar (Ahmad, 2014).

Berbeza dengan negara-negara seperti Indonesia dan Thailand melaksanakan konsep asimilasi sepenuhnya untuk membentuk sebuah identiti kebangsaan tunggal secara paksaan, namun Malaysia telah memilih jalan yang berbeza iaitu perpaduan dalam kepelbagaian dan keterangkuman (inklusif) dan pada masa yang sama, memastikan kesaksamaan untuk semua rakyat (Ahmad, 2014). Ini adalah melalui konsep yang diperkukuhkan dalam perlembagaan yang membawa maksud bahawa masyarakat menerima kepelbagaian etnik, agama dan kepercayaan dengan ciri keterangkuman serta harus membina rasa saling hormat-menghormati dan saling menerima sebagai asas kepada kepercayaan dan kesepaduan yang kukuh.



Pelajar yang terdiri daripada berlainan budaya mempunyai cara tersendiri bagi menangani kefahaman mereka terhadap sesuatu isu dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah (Bennet et al., 2018). Mereka juga menghabiskan lebih satu per empat daripada masa di sekolah, maka di sinilah tempat yang paling sesuai untuk memupuk perpaduan. Melalui interaksi dengan individu dari pelbagai latar belakang sosioekonomi, agama dan kaum, murid belajar memahami, menerima serta menghargai kepelbagaian. Maka perkongsian nilai dan pengalaman dapat dibina untuk masa depan Malaysia (KPM, 2013).

Sesungguhnya, pendidikan adalah merupakan cara yang terbaik untuk mencapai kefahaman dan saling hormat-menghormati (O'Grady et al., 2011). Maka, peranan guru menjadi sangat besar kerana mereka adalah merupakan agen yang penting untuk berinteraksi bersama-sama dengan murid dan pelajar mempunyai latar belakang dari pelbagai budaya (Robson, 2019). Merujuk kepada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, dua pertiga daripada 410, 000 orang jumlah keseluruhan guru berada pada umur bawah 40 tahun (KPM, 2013). Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia ada dinyatakan bahawa 60 peratus daripada guru ini akan mengajar dalam tempoh 20 tahun dan 40 peratus dalam tempoh 30 tahun (KPM, 2013). Justeru itu, kompetensi budaya dalam kalangan guru menjadi semakin penting sebagai sebahagian sistem penyampaian kurikulum pendidikan (Arruzza & Chau, 2021).

Selaras dengan perubahan tersebut maka adalah penting bagi kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan, pelaksanaan dan kepentingan multibudaya dalam kalangan guru sekolah rendah di Malaysia. Ini bertujuan untuk membantu pihak kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan Malaysia untuk



merangka program bagi meningkatkan profesionalisme dalam kalangan guru terutamanya dari aspek multibudaya di Malaysia.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kementerian Pendidikan Malaysia telah melancarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Keputusan ini diambil dalam konteks meningkatkan pendidikan ke tahap antarabangsa dan peningkatan aspirasi negara bagi mempersiapkan generasi muda untuk menghadapi keperluan abad ke-21. Menerusi pelan tersebut, antara yang dinyatakan adalah untuk mengekalkan struktur sistem pendidikan yang sedia ada di Malaysia khususnya bagi Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) yang menggunakan bahasa Cina dan Tamil sebagai bahasa pengantar. Ibu bapa juga mempunyai pilihan sama ada untuk menghantar anak-anak mereka ke Sekolah Kebangsaan (SK) atau Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK). Seterusnya murid ini akan memasuki Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) selepas tamat pendidikan di sekolah rendah. Namun, dengan adanya pilihan ini, murid lebih terdedah kepada persekitaran yang homogen.

Memandangkan kerajaan Malaysia mengambil kira agenda perpaduan yang perlu diperkukuhkan lagi dalam kalangan pelajar maka Kementerian Pendidikan Malaysia telah meletakkan agenda tersebut di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) iaitu di dalam salah satu daripada 5 keberhasilan Aspirasi Sistem. Di bawah keberhasilan yang keempat, iaitu perpaduan, murid dinyatakan menghabiskan sebahagian masa mereka di sekolah iaitu bermula seusia 7 hingga 17 tahun. Maka sekolah merupakan tempat yang amat sesuai memupuk perpaduan. Ini





kerana melalui interaksi dengan individu-individu yang mempunyai jurang dari segi sosio-ekonomi, agama, dan latar belakang etnik, murid akan belajar untuk memahami, dan menerima dengan terbuka segala perbezaan (KPM, 2013).

Namun begitu, hasrat Aspirasi Sistem seperti yang dinyatakan seperti di atas, didapati amat berbeza dengan data yang diperoleh daripada KPM (2021). Data tersebut menunjukkan peratus penyertaan kaum Cina dan India di sekolah kebangsaan mencatatkan trend penurunan sepanjang tahun 2010 hingga 2020. Penyertaan kaum Melayu dilaporkan pada sekitar 93 peratus sehingga 94 peratus dan adalah merupakan kumpulan majoriti. Penyertaan kaum Cina menunjukkan trend penurunan dari 1.17 peratus pada tahun 2010 kepada 0.73 peratus pada tahun 2020.



menunjukkan trend yang sama apabila menyaksikan peningkatan penyertaan kaum Melayu di Sekolah Kebangsaan serta penurunan penyertaan kaum Cina dan India di sekolah tersebut. Data tersebut, bermula 2019 dengan peratusan kaum Melayu sebanyak 88.77 peratus (67,413 orang) menunjukkan peningkatan sebanyak 0.83 peratus iaitu kepada 89.60 peratus (70,190 orang) pada tahun 2020 , 0.74 peratus iaitu kepada 90.34 peratus (72,801 orang) pada tahun 2021 dan terus meningkat sebanyak 0.57 peratus iaitu kepada 90.91 peratus (74,685 orang) sehingga Julai 2022. Manakala penyertaan kaum Cina dan India menunjukkan penurunan kepada 0.06 peratus dan 0.32 peratus pada tahun 2020 iaitu kepada 0.38 peratus (301 orang) bagi kaum Cina dan 4.47 peratus (3498 orang) bagi kaum India, berbanding tahun 2019 di mana kaum Cina sebanyak 0.44 peratus (334 orang) dan India sebanyak 4.79 peratus (3636). Pada Tahun 2021 pula, penurunan berlaku sebanyak 0.04 peratus (Cina) dan 0.36 peratus



(India) masing-masing kepada 0.34 peratus (274 orang) bagi kaum Cina dan 4.11 peratus (3310 orang) bagi kaum India. Sehingga Julai 2022, penurunan berlaku sebanyak 0.05 peratus bagi kaum Cina iaitu kepada 0.29 peratus (240 orang) dan 0.32 peratus bagi kaum India kepada 3.78 peratus (3109 orang) di Sekolah Kebangsaan. Ia dapat dilihat seperti jadual di bawah:

Jadual 1.1

Perbandingan Penyertaan Murid Mengikut Kaum di Sekolah Kebangsaan di Negeri Sembilan

Tahun	Melayu		Cina		India	
	Jumlah	%	Jumlah	%	Jumlah	%
2019	67,413	88.77	334	0.44	3636	4.79
2020	70,190	89.60	301	0.38	3498	4.47
2021	72,801	90.34	274	0.34	3310	4.11
Julai 2022	74,685	90.91	240	0.29	3109	3.78

Data yang diperoleh daripada Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan (2022) juga menunjukkan bahawa setiap jenis sekolah iaitu SK, SJKC dan SJKT lebih didominasi oleh sesuatu kaum. Sehingga Julai 2022, kaum Melayu di SK adalah sebanyak 90.91 peratus, Cina 0.29 peratus, India 3.78 peratus manakala lain-lain 5.01 peratus. Begitu juga di SJKC, menunjukkan kaum Cina sebanyak 78.40 peratus, Melayu 11.66 peratus, India 6.09 peratus manakala lain-lain sebanyak 3.85 peratus. Situasi yang sama juga berlaku di SJKT dengan kaum India mendahului sebanyak 99.04 peratus, Melayu 0.27 peratus, Cina 0.19 peratus serta lain-lain sebanyak 0.49 peratus.

Jadual 1.2

Peratus Enrolmen Murid Mengikut Kaum di Sekolah Rendah di Negeri Sembilan Sehingga Julai 2022

Jenis Sekolah	Melayu	Cina	India	Lain-Lain
SK	90.91	0.29	3.78	5.01
SJKC	11.66	78.40	6.09	3.85
SJKT	0.27	0.19	99.04	0.49

Maka berdasarkan ketiga-tiga trend data yang ditunjukkan oleh KPM dan JPNS di atas, maka jelaslah di sini bahawa murid-murid sekolah rendah di Negeri Sembilan lebih terdedah kepada persekitaran yang homogen iaitu terdiri daripada kaum yang sama, bahasa yang sama, dan satu siri kepercayaan selain daripada berkongsi budaya, adat resam dan cara berfikir yang sama (Cardenas, 2019). Oleh itu, apabila persekitaran murid menjadi lebih homogen, Kementerian Pendidikan perlu mewujudkan program bagi menggalakkan murid pelbagai etnik berinteraksi (KPM, 2013). Justeru, apabila pendidikan digunakan sebagai salah satu alat untuk mewujudkan interaksi ini, guru haruslah diberikan persediaan supaya mempunyai pengetahuan, kesedaran dan kemahiran yang akan menjadikan mereka lebih sensitif terhadap latar belakang murid yang terdiri daripada pelbagai etnik dan budaya (Ahmad, 2014).

Bagi pihak guru pula, data yang diperoleh daripada Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan (2022) menunjukkan bahawa bilangan guru mengikut bangsa di Sekolah Kebangsaan di negeri ini adalah dengan Melayu seramai 6505 orang (92.97 peratus), Cina 66 (0.94 peratus) orang dan India 314 (4.49 peratus) orang dan lain-lain 112 (1.60 peratus) orang. Bagi Sekolah Jenis Kebangsaan Cina pula, Melayu seramai 169 (10.32 peratus) orang, Cina 1448 (88.45 peratus) orang, India 9 (0.55 peratus) orang dan lain-

lain seramai 11 (0.68 peratus) orang. Bagi Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil pula, guru Melayu adalah seramai 20 (2.01 peratus) orang, tiada guru berbangsa Cina (kosong peratus), 974 (97.89 peratus) orang guru India dan lain-lain hanya seorang sahaja (0.10 peratus). Ini sekali lagi jelas menunjukkan bahawa murid-murid sekolah rendah terutama di Negeri Sembilan lebih terdedah kepada persekitaran yang cenderung kepada homogen iaitu guru dan murid yang berlatar belakangkan amalan budaya yang sama.

Jadual 1. 3

Bilangan Guru Mengikut Bangsa di Sekolah Rendah di Negeri Sembilan

Jenis Sekolah	Melayu		Cina		India		Lain-Lain	
	Jumlah	%	Jumlah	%	Jumlah	%	Jumlah	%
SK	6505	92.97	66	0.94	314	4.49	112	1.60
SJKC	169	10.32	1448	88.45	9	0.55	11	0.68
SJKT	20	2.01	0	0	974	97.98	1	0.10

Data yang diperoleh daripada JPNS (seperti di atas) juga jelas menyokong dapatan data yang terdapat dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 yang menunjukkan bahawa kepelbagaian etnik guru di Sekolah Kebangsaan semakin menurun. Dalam pelan tersebut telah dinyatakan bahawa pada tahun 2001, 78 peratus guru ialah bumiputera dan bilangan ini meningkat kepada 81 peratus pada tahun 2011 manakala bagi guru India kekal pada 5 peratus dan untuk guru Cina pula menurun daripada 17 peratus kepada 14 peratus. Maka berdasarkan data di atas, dapatlah dibuktikan bahawa populasi guru dari etnik selain bumiputera yang mengajar di Sekolah Kebangsaan semakin berkurang mewakili populasi nasional (KPM, 2013).



Suasana akan berubah apabila pelajar-pelajar ini memasuki sekolah menengah yang persekitarannya lebih cenderung kepada multibudaya (Ahmad, 2014). Di sini, pelajar mula terdedah kepada latar belakang rakan-rakan sekelas yang berbeza. Dalam konteks persekitaran di Malaysia, bilik darjah Sekolah Kebangsaan di Malaysia terdiri daripada pelajar yang mempunyai pelbagai latar belakang iaitu dari bahasa, budaya serta tahap kebolehan (Tunku Mohtar, 2010). Terdapat situasi di mana guru dan pelajar adalah daripada kumpulan yang sama iaitu mereka berkongsi bahasa dan budaya yang sama. Misalannya jika guru adalah Melayu, semua pelajar juga Melayu, jika guru berbangsa Cina, pelajar juga adalah Cina, begitu juga jika guru adalah India, pelajar juga dikalangan India. Untuk situasi berikutnya, guru terdiri daripada satu kumpulan budaya manakala pelajar pula terdiri daripada kumpulan budaya yang berbeza. Jika guru adalah Melayu, pelajar adalah Cina atau India, atau guru adalah Cina maka pelajar mungkin Melayu atau India. Begitu juga untuk situasi seterusnya, pelajar adalah terdiri daripada pelbagai latar belakang budaya. Guru boleh jadi Cina, dan pelajar adalah Melayu, Cina dan India.

Oleh itu, perkara inilah perlu diberikan lebih perhatian untuk pelajar-pelajar lebih menghargai persekitaran yang istimewa ini iaitu menangani ketegangan atau juga perselisihan faham. Maka dalam konteks kajian ini, multibudaya yang dinyatakan seperti di atas lebih memfokuskan kepada tiga kaum yang utama iaitu Melayu, Cina dan India. Oleh itu, murid perlu dipupuk dengan perpaduan dalam kalangan mereka sama ada berada di sekolah yang terdiri daripada etnik yang sama atau berlainan etnik. Untuk itu, peranan guru menjadi lebih besar dalam meningkatkan pendidikan murid dan sistem pendidikan secara keseluruhannya iaitu dengan melengkapkan mereka



dengan kemahiran yang diperolehi melalui program pembangunan secara profesional (Barber, 2013). Ini adalah kerana ramai dalam kalangan guru mempunyai sedikit pengalaman dengan multibudaya (Nieto & Bode, 2018).

Konflik antara guru juga perlu ditangani bagi mengelakkan pencapaian akademik pelajar terjejas (Parker & Bickmore, 2012). Kajian yang dijalankan oleh Doganay dan Yergaliyeva (2013) ke atas pelajar Universiti Demirel, Kazakhstan menunjukkan peningkatan dalam pencapaian peperiksaan mereka apabila penggunaan kandungan dan aktiviti berasaskan budaya digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, kajian Alsubaie (2015) menyatakan bahawa aplikasi pengajaran dan pembelajaran perlu memperbanyakkan aktiviti-aktiviti yang berkait rapat dengan budaya pelajar. Pelajar yang berada di Gred 2 tersebut (7-8 tahun) menunjukkan peningkatan dalam pencapaian komunikasi mereka selain melibatkan diri dan mempunyai motivasi yang lebih tinggi.

Menurut Banks dan Banks (2019), pendidikan multibudaya wajar dilaksanakan kerana ianya dilihat sebagai satu proses pembaharuan dalam kurikulum dan ianya sangat berpotensi untuk membawa perubahan kepada persekitaran pendidikan. Guru perlu didedahkan dengan 5 dimensi dalam Pendidikan Multibudaya iaitu integrasi isi kandungan, pembinaan ilmu pengetahuan, pedagogi saksama, pengurangan prejudis dan pemerksaan budaya sekolah dan struktur sosial. Multibudaya dilihat sebagai satu langkah yang penting dalam mengajar murid kerana mereka merasa selesa dengan latar belakang budaya mereka sendiri selain daripada menggalakkan mereka menghargai diri mereka biarpun mereka adalah terdiri daripada kumpulan minoriti (Yusof, 2008).

Pendidikan Multibudaya memerlukan pengurusan dalam bilik darjah serta perkembangan rancangan pengajaran dengan guru mengumpulkan murid dari kalangan pelbagai latar belakang budaya, jantina serta bangsa untuk bersama dalam pengurusan bilik darjah dan perkembangan rancangan pengajaran (Burton, 2013). Penggubal polisi perlu mengenalpasti kandungan pengajaran sebagai kurikulum alternatif (Bartolo et al., 2021). Dengan kata lain maka jelaslah apa yang diajar dalam bilik darjah memainkan peranan utama dalam mengenal pasti pencapaian murid bagi memastikan penilaian yang akan dilaksanakan nanti bersesuaian dengan pelajar dan tidak bias terhadap kaum dan jantina mereka.

1.3 Pernyataan Masalah

Tiga objektif Dasar Perpaduan Negara (Kementerian Perpaduan Negara [KPN], 2021) adalah yang pertama untuk mengukuhkan perpaduan dan integrasi nasional berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara, kedua membentuk identiti nasional dengan semangat jati diri, patriotik, prihatin, toleransi, saling menghormati dan bertanggungjawab dan ketiga melahirkan rakyat Malaysia yang menghargai dan mengamalkan perpaduan. Dalam Dasar Perpaduan Negara (KPN, 2021) ini dinyatakan 10 perkara yang dikategorikan sebagai isu di dalam defisit sosial termasuklah isu pendidikan iaitu ketidakseragaman aliran, kandungan dan penyampaian sistem pendidikan.

Bukan sahaja melalui Dasar Perpaduan Negara, kerajaan Malaysia juga mengambil kira agenda perpaduan yang perlu diperkukuhkan lagi dalam kalangan

pelajar. Ini dinyatakan di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) iaitu di dalam salah satu daripada 5 Aspirasi Sistem seperti yang telah pun diterangkan oleh pengkaji sebelum ini. Keberadaaan murid di sekolah sekurang-kurangnya 8 jam sehari bersama-sama guru dan rakan-rakan, menjadikan sekolah sebagai satu medium yang sangat penting dalam memupuk perpaduan (Husin & Dawi, 2019). Melalui interaksi dengan individu-individu yang mempunyai jurang dari segi sosio-ekonomi, agama, dan latar belakang etnik, murid akan belajar untuk memahami, dan menerima dengan terbuka segala perbezaan (KPM, 2013).

Banyak usaha yang dilaksanakan dalam menyokong ke arah usaha mencapai matlamat perpaduan ini. Antara lain, Kementerian Pendidikan menyediakan program seperti Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) namun ianya dilihat kurang berkesan kerana program-program yang melibatkan interaksi antara kaum dilihat semakin berkurangan. Kekangan untuk memperluaskan program ini adalah disebabkan oleh peruntukan dana oleh pihak kerajaan (Hussein & Abdullah, 2018).

Selain daripada itu, Sekolah Wawasan juga telah diluluskan oleh kabinet pada tahun 1997. Sekolah Wawasan adalah sekolah rendah yang berkonsepkan belajar bersama-sama dalam satu kawasan yang sama tanpa mengira kaum dan agama. Matlamat penubuhan sekolah ini adalah untuk mewujudkan perpaduan dan integrasi di antara murid yang berlainan etnik dan agama. Ia juga untuk melahirkan sifat toleransi dan persefahaman yang tinggi dan menggalakkan integrasi yang maksimum antara semua pelajar melalui perkongsian kemudahan sekolah dan pelaksanaan aktiviti. Sekolah ini tidak langsung mengubah sistem pembelajaran yang asal kerana tiap-tiap sekolah mempunyai nama yang tersendiri di samping urusan pentadbiran dan



pengurusan kewangan yang dikendalikan oleh sekolah masing-masing. Selain itu mereka juga menggunakan kemudahan secara bersama-sama seperti kantin, lapangan perhimpunan, gelanggang permainan dan padang. Konsep sekolah Wawasan yang kini dipraktikkan adalah satu usaha untuk melahirkan anak bangsa Malaysia yang mempunyai semangat dan bersifat cintakan negara. Walau bagaimanapun, sekolah ini sangat terhad, iaitu ada sebanyak 5 kompleks seluruh Malaysia. Dua buah kompleks terletak di Perak, satu di Selangor, satu di Pulau Pinang dan satu lagi di Kedah. Bilangan ini dilihat tidak mewakili semua negeri yang terdapat di dalam Malaysia.

Usaha-usaha seperti yang dinyatakan di atas telah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, namun masih terdapat cabaran yang perlu untuk diatasi dalam melaksanakan agenda perpaduan negara ini. Berdasarkan rekod Kementerian Pendidikan Malaysia (2021), peratus penyertaan murid berbangsa Cina dan India di sekolah kebangsaan mencatatkan trend penurunan sepanjang tahun 2010 hingga 2020. Penyertaan kaum Melayu dilaporkan pada sekitar 93 peratus sehingga 94 peratus dan adalah merupakan kumpulan majoriti. Penyertaan murid berbangsa Cina menunjukkan trend penurunan dari 1.17 peratus pada tahun 2010 kepada 0.73 peratus pada tahun 2020. Manakala peratus penyertaan murid berbangsa India juga mencatatkan penurunan daripada 3.15 peratus kepada 2.63 peratus dalam tempoh yang sama.

Data yang diperoleh daripada Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan (2022) turut menunjukkan trend yang sama iaitu berlakunya peningkatan penyertaan murid berbangsa Melayu di Sekolah Kebangsaan serta penurunan penyertaan kaum Cina dan India di sekolah tersebut sepanjang 2019 sehingga Julai 2022. Oleh itu, perpaduan





dalam kalangan kumpulan etnik di Malaysia tidak dapat dilaksanakan secara menyeluruh kerana sistem sekolah pelbagai aliran di negara ini menyebabkan ramai murid-murid dari pelbagai bangsa dan etnik tidak dapat belajar bersama-sama sambil memupuk perpaduan kaum. Persekitaran ini dikenali dengan persekitaran homogen (KPM, 2013).

Antara isu-isu utama dalam membentuk hubungan etnik yang harmoni di negara ini ialah perkauman. Dalam laporan akhbar myMetro (18 April 2021) satu surat dikeluarkan oleh sebuah sekolah menengah di Batu Pahat, meletakkan syarat kaum bagi pendaftaran kokurikulum pelajar Tingkatan Satu. Syarat tersebut antaranya menyebut kelab bahasa Cina hanya terbuka untuk pelajar kaum Cina, bola sepak (Melayu), bola keranjang (Cina), ping pong (Cina), bola jaring (Melayu) dan sepak takraw (Melayu).



Pengetua sekolah, dalam laporan tersebut mengesahkan bahawa surat itu dikeluarkan oleh pihaknya dan menegaskan syarat berkenaan terpaksa diletak berikutan isu ketiadaan prasarana padang untuk pelajar. Beliau mengakui pihaknya terlepas pandang isu perkauman dalam maklumat pendaftaran dan penyertaan dalam aktiviti kokurikulum selain berjanji ia tidak akan berulang.

Dalam situasi yang lain pula, akhbar *Berita Harian* (14 Januari 2016) melaporkan seorang guru Melayu yang mengajar di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di Mersing, Johor membuat laporan polis mendakwa pihak sekolah tidak melindunginya dalam beberapa insiden kekecohan di mana beliau telah dihina oleh anak murid serta ibu bapa murid berkenaan. Dalam laporan itu, guru berkenaan mendakwa bahawa beliau dan dua lagi guru Melayu di sekolah tersebut pernah dihalau oleh guru besar





yang didakwa menggunakan kata-kata berunsur perkauman. Guru besar itu turut ke Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) untuk meminta ketiga-tiga guru itu dipindahkan.

Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan (2022) melaporkan bahawa terdapat jurang pencapaian UPSR dalam kalangan pelajar-pelajar yang bersekolah di Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Jenis Kebangsaan. Data Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil menunjukkan pencapaian minimum kompetensi dalam UPSR 2019 hanya pada 70.03 peratus berbanding SK (74.46 peratus) dan SJKC (70.39 peratus). Kajian Yong et al. (2018) terhadap keciciran murid sekolah di Malaysi berpunca daripada pengetahuan guru yang kurang terhadap kepelbagaian latar belakang pelajar mereka. Apabila ini berlaku murid menjadi tidak berminat terhadap subjek yang cuba disampaikan oleh guru dalam bilik darjah. Kesannya sudah tentulah kepada pencapaian akademik pelajar



Berdasarkan pernyataan-pernyataan di atas, maka pelbagai langkah perlu diambil untuk mengekalkan keharmonian dengan menyantuni multibudaya murid. Memandangkan murid-murid sekolah rendah merupakan medium yang terbaik bagi memupuk kesedaran tersebut, maka pelbagai langkah perlu diambil dengan memikirkan kaedah atau program yang tidak memerlukan perbelanjaan yang terlalu besar tetapi berkesan bagi menangani isu ini. Justeru itu, kajian ini perlu dilaksanakan bagi mengenal pasti tahap pengetahuan, pelaksanaan dan kepentingan guru terhadap multibudaya di sekolah rendah. Seterusnya, dapatan kajian ini diharapkan dapat membantu pihak Bahagian Pembangunan Kurikulum untuk menggubal kurikulum dengan memikirkan kaedah yang perlu diambil untuk mengatasi isu ini nanti.



1.4 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian ini dibina berdasarkan konsep, istilah, definisi model dan teori literatur yang dirujuk. Kerangka konseptual kajian memberi banyak kelebihan serta membantu penyelidik mengenal pasti dan membina pandangan mereka untuk diterjemahkan ke dalam bentuk data (Adom et al., 2018; Grant & Osanloo, 2014). Kerangka konseptual kajian ini bertujuan untuk mengkaji multibudaya dari aspek integrasi isi kandungan, pembinaan ilmu pengetahuan, pedagogi saksama, pengurangan prejudis dan pemeraksanaan budaya sekolah dan struktur sosial. Setiap aspek ini diuraikan dalam kerangka konseptual kajian ini.

Kerangka konseptual kajian ini dibina berdasarkan Teori Pendidikan Multibudaya (Banks & Banks, 2019). Teori ini dipilih kerana ia bersifat lebih khusus bagi menjelaskan bagaimana pendidikan di sekolah kebangsaan yang mempunyai murid daripada pelbagai kaum dapat mewujudkan multibudaya serta dipertingkatkan dengan mengenal pasti kekuatan dan kelemahan bagi setiap aspek yang dibincangkan. Pendidikan Multibudaya merupakan satu idea, pendekatan kepada pembaharuan sekolah dan gerakan ke arah kesaksamaan, keadilan sosial dan demokrasi. Ianya dilaksanakan untuk menekankan toleransi, sikap saling menghormati dan memahami, kesedaran dan menerima diri dan orang lain yang mempunyai multibudaya (Irvine et al., 2001).

Kunci utama pendidikan ini adalah untuk pelajar memahami dan menerima perbezaan yang nyata atau tersembunyi. Dimensi Pendidikan Multibudaya yang dibangunkan oleh Banks & Banks (2019) digunakan dengan meluas sekali oleh sekolah




terutama di negara Barat untuk mengkaji semula konsep dan memperkembangkan kursus, program dan projek dalam pendidikan multibudaya.

Terdapat 5 dimensi iaitu integrasi isi kandungan (*content intergration*), pembinaan ilmu pengetahuan (*the knowledge construction process*), pedagogi saksama (*an equity pedagogy*), pengurangan prejudis (*prejudice reduction*) dan pemeraksanaan budaya sekolah dan struktur sosial (*an empowering school culture and social structure*). Walaupun setiap dimensi berbeza konsep tetapi mereka adalah saling berkaitan apabila diamalkan. Kelima-lima dimensi ini dibangunkan untuk membantu guru melihat bahawa bukan sahaja kepentingan isi kandungan dalam kurikulum tetapi pembinaan ilmu pengetahuan, pedagogi saksama, pengurangan prejudis, pemeraksanaan sekolah dan struktur sosial juga penting apabila guru mengajar murid yang terdiri daripada multibudaya (Banks & Banks, 2019).

Guru yang terlibat ini nanti akan menjawab berdasarkan pandangan serta perspektif mereka dalam kelima-lima aspek tersebut yang dikemukakan dalam bentuk soal selidik. Tujuannya adalah untuk mendapatkan maklumat awal daripada individu yang terlibat secara langsung dalam pendidikan secara keseluruhan. Segala perspektif yang dikemukakan adalah bertujuan untuk menganalisis bagaimana aspek-aspek tersebut dilaksanakan di negara ini. Kelemahan dan kekuatan yang terdapat dalam sistem pendidikan yang mempunyai murid dari latar belakang multibudaya pada masa ini akan dapat diperbaiki. Kerangka konseptual ditunjukkan pada Rajah 1.1.





Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual menjelaskan tentang setiap dimensi yang terdapat dalam Pendidikan Multibudaya yang dibangunkan oleh Banks (Banks & Banks, 2019). Dimensi pertama adalah integrasi isi kandungan. Aspek ini penting kerana memerlukan guru menggunakan contoh dan kandungan daripada multibudaya dan kumpulan untuk menggambarkan konsep utama, prinsip, generalisasi dan teori dalam mata pelajaran atau bidang yang diajar oleh mereka (Maaruf & Siraj, 2011). Memasukkan kandungan etnik dan budaya ke dalam bidang mata pelajaran adalah sesuatu yang logik dan ia



adalah salah satu ikhtiar untuk menjayakan dimensi ini secara teratur (Banks & Banks, 2019).

Kewujudan peluang untuk kandungan integrasi etnik dan budaya adalah berbeza-bebeza mengikut setiap subjek. Menurut Omar et al. (2015), keberkesanan pengajaran dan pembelajaran sesuatu subjek itu merangkumi beberapa perkara seperti motivasi, keperluan dan minat pelajar, tujuan pembelajaran, mengetahui tahap kematangan pelajar, memahami perbezaan individu, memerhati kefahaman, integrasi antara pengetahuan sedia ada dengan keaslian dan menjadikan proses pendidikan sebagai pengalaman yang menggembirakan pelajar. Peluang tersebut juga sentiasa ada bagi guru untuk menggunakan kandungan bagi menggambarkan konsep, tema dan prinsip dalam kajian sosial, seni bahasa dan seni muzik. Walaupun isi kandungan selalu



disalah ertikan oleh pengamal sekolah sebagai tidak sesuai untuk mata pelajaran ^{tbupsi} Matematik dan Sains, ia sebenarnya mencakupi bagi Pendidikan Multibudaya (Banks & Banks, 2019).

Dimensi kedua adalah pembinaan ilmu pengetahuan. Dalam dimensi ini, aktiviti pengajaran membantu pelajar untuk memahami, menyiasat dan seterusnya membuat andaian budaya yang tersirat, kerangka rujukan, perspektif dan sifat bias penyelidik dan penulis-penulis buku mempengaruhi cara pengetahuan dibina. Ini kerana menurut Banks dan Banks (2019) pengajaran multibudaya bukan sekadar memasukkan isi kandungan etnik ke dalam kurikulum sekolah, tetapi ianya memerlukan perubahan struktur dan organisasi.





Cara guru dan murid memberi pandangan serta berinteraksi juga membantu mereka bukan sahaja menggunakan pengetahuan yang dihasilkan oleh orang lain tetapi mampu menghasilkan pengetahuan mereka sendiri (Maulod et al., 2017). Pembinaan ilmu pengetahuan juga membantu guru dan pelajar memahami mengapa identiti budaya dan kedudukan sosial penyelidik perlu diambil kira dalam menilai kesahan tuntutan pengetahuan (Yong et al., 2018).

Teori multibudaya menegaskan bahawa nilai, sejarah peribadi, sikap dan kepercayaan penyelidik tidak boleh dipisahkan daripada pengetahuan yang mereka cipta (Endraswra, 2006). Malah penyelidik ini berkemungkinan menolak tuntutan-tuntutan positif yang mereka rasakan tidak memenuhi minat atau kehendak mereka. Ini akan memberi kesan kepada pengetahuan yang dihasilkan. Mereka juga menolak



kemungkinan-kemungkinan yang tidak dipengaruhi oleh andaian budaya dan kedudukan sosial dalam mereka mencipta pengetahuan.

Paradigma, tema dan konsep yang tidak dimasukkan atau mengganggu pengalaman kehidupan, sejarah dan menyumbang ke arah peminggiran terhadap kumpulan-kumpulan tertentu adalah merupakan satu cabaran dalam pengajaran dan pembelajaran multibudaya (Omar et al., 2015). Maka di sinilah terletaknya kebijaksanaan guru membantu pelajar menggunakan pengetahuan sedia ada, pengalaman dan idea baharu mereka untuk dipelajari. Pedagogi multibudaya ini juga perlu bersifat inklusif supaya ia boleh digunakan oleh pelbagai bangsa. Justeru itu, penggubalan dan perluasan diperlukan agar kerangka kajian, perspektif dan konsep dapat dibentuk semula bagi tujuan menghasilkan pengetahuan di sekolah (Barajas, 2015).





Pedagogi saksama yang merupakan dimensi ketiga wujud apabila guru mengubahsuai cara pengajaran mereka supaya pelajar-pelajar yang terdiri daripada pelbagai kaum, budaya, sosio-ekonomi dan bahasa dapat merasakan pembelajaran itu dipermudahkan bagi membantu pencapaian akademik mereka. Cara dan pendekatan yang pelbagai, berbeza-beza mengikut kehendak sesuatu budaya dengan melibatkan teknik pembelajaran kooperatif terutama dalam memberi arahan bagi mata pelajaran Matematik dan Sains (Maaruf & Siraj, 2011).

Dalam pada itu, pedagogi multibudaya bertujuan meningkatkan pencapaian akademik pelajar mengikut bangsa dan budaya kerana pembelajaran kooperatif yang dilaksanakan dalam bilik darjah mempunyai kesan positif terhadap pencapaian mereka (Ghahaman & Tamimy, 2017). Pedagogi saksama menolak paradigma kekurangan



budaya yang diperkembangkan dalam awal tahun 1960-an (Maaruf & Siraj, 2011). ptbupsi

Paradigma ini mengemukakan bahawa pengalaman sosial di rumah dan komuniti yang berpendapatan rendah menjadi penghalang kepada pencapaian mereka dalam akademik kerana pelajar yang mempunyai sosio-ekonomi rendah dikatakan bersikap terlalu merendah diri. Oleh itu, teori pengurangan budaya memfokuskan kepada penukaran sikap pelajar agar setara dengan budaya sekolah arus perdana (Banks & Banks, 2019).

Walau bagaimanapun, dimensi pedagogi saksama menganggap bahawa pelajar yang terdiri daripada multibudaya dan kumpulan, mempunyai kekuatan mereka yang tersendiri untuk hadir ke sekolah. Dalam teori multibudaya, identiti budaya, bentuk komunikasi dan jangkauan sosial bagi pelajar yang terdiri daripada etnik dan kaum yang dipinggirkan, mengalami konflik dengan nilai, kepercayaan dan andaian seseorang





guru mereka. Budaya yang sedia ada di sekolah telah dicipta oleh golongan pertengahan yang menganggap diri mereka adalah istimewa berdasarkan kod budaya yang ditetapkan oleh sesebuah sekolah melalui gaya percakapan mereka. Namun ini telah menimbulkan kekecohan dan menimbulkan jurang antara sesuatu kaum dan kumpulan.

Oleh itu, guru perlu mengamalkan pengajaran responsif budaya bagi melaksanakan pedagogi saksama dengan menjadikan bahan pengajaran dan latihan yang menggabungkan aspek-aspek latar belakang keluarga dan komuniti pelajar itu sendiri. Guru yang mengajar menggunakan responsif budaya juga menggunakan pengetahuan budaya, pengalaman sedia ada, kerangka rujukan dan gaya prestasi pelajar multi-etnik untuk menjadikan pembelajaran lebih relevan dan berkesan (Gay, 2018).



Dimensi keempat menerusi Pendidikan Multibudaya iaitu pengurangan prejudis ptbupsi

membantu pelajar membangunkan sikap perkauman yang positif dan demokratik. Selain itu, ia juga dilihat dapat membantu pelajar memahami bagaimana identiti etnik dipengaruhi oleh konteks persekolahan, sikap dan kepercayaan kumpulan sosial yang lebih dominan. Teori yang dibangunkan oleh Allport (1954) dilihat mempengaruhi kajian dan teori dalam hubungan antara kaum. Menurut beliau, prejudis boleh dikurangkan dengan hubungan antara kaum jika situasi hubungan tersebut mempunyai ciri-ciri berikut: (1) mereka adalah bekerjasama bukannya bersaing; (2) setiap individu mempunyai status pengalaman yang sama rata; dan (3) adanya sekatan dalam hubungan oleh pihak yang berkuasa iaitu ibu-bapa, pengetua dan guru.

Dimensi yang kelima iaitu yang terakhir adalah pemeraksanaan budaya sekolah dan struktur sosial. Dimensi ini melibatkan penstrukturan budaya dan organisasi





sesebuah sekolah supaya pelajar yang terdiri daripada multibudaya, etnik, sosio-ekonomi dan kumpulan bahasa menerima kesaksamaan (Noor, 2005). Menerusi dimensi ini, ahli-ahli kakitangan sekolah memeriksa serta mengubah struktur budaya dan sosial sekolah tersebut. Amalan berkumpul dan melabelkan, keterlibatan dalam sukan, jurang pencapaian yang terdapat dalam kalangan kumpulan dan interaksi antara kakitangan serta pelajar silang etnik dan budaya adalah merupakan variabel penting dalam penilaian dan reformasi. Pemerkasaan struktur sekolah memerlukan perbezaan hubungan antara pelbagai kumpulan dalam sekolah serta dicipta secara kualitatif (Noor, 2005). Hubungan adalah berdasarkan persefahaman dan saling berbalas rasa hormat terhadap perbezaan budaya, yang akhirnya nanti akan dapat memberi refleksi kepada matlamat sekolah, norma dan amalan budaya (Daud & Don, 2012).



kepentingan setiap dimensi yang dibincangkan iaitu integrasi isi kandungan, pembinaan ilmu pengetahuan, pedagogi saksama, pengurangan prejudis dan pemerkasaan budaya sekolah dan struktur sosial untuk mengukur tahap kesedaran guru sekolah rendah terhadap multibudaya. Dari segi teori, multibudaya dibina untuk menghasilkan satu sistem pendidikan bagi pelajar yang terdiri daripada multibudaya dalam sesebuah bilik darjah dan ianya dilihat lebih berkesan (Banks & Banks, 2019). Untuk melihat sejauh mana keberkesanannya, pengkaji akan menjalankan kajian tinjauan iaitu kajian rentas untuk mengumpul data-data deskriptif yang berkaitan. Pemilihan guru-guru sebagai peserta kajian ini dilakukan secara rawak berstrata kerana mereka terlibat secara langsung dalam proses pembelajaran dalam bilik darjah.



1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti tahap pengetahuan, pelaksanaan dan kepentingan pendidikan multibudaya dari aspek integrasi isi kandungan, pembinaan ilmu pengetahuan, pedagogi saksama, pengurangan prejudis dan pemeraksanaan budaya sekolah dan struktur sosial guru sekolah kebangsaan di Negeri Sembilan.
2. Mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan tahap pengetahuan, pelaksanaan dan kepentingan pendidikan multibudaya dari aspek integrasi isi kandungan, pembinaan ilmu pengetahuan, pedagogi saksama, pengurangan prejudis dan pemeraksanaan budaya sekolah dan struktur sosial berdasarkan jantina, pengalaman mengajar guru serta lokasi sekolah.
3. Mengenal pasti sama ada terdapat sumbangan pembolehubah pengalaman mengajar, tahap pengetahuan pendidikan multibudaya, persepsi guru terhadap kepentingan pendidikan multibudaya terhadap pelaksanaan pendidikan multibudaya di sekolah kebangsaan di Negeri Sembilan.
4. Mengenalpasti sama ada terdapat sumbangan atau pengaruh yang signifikan pembolehubah bebas iaitu pengetahuan integrasi isi kandungan, pembinaan ilmu pengetahuan, pedagogi saksama, pengurangan prejudis dan pemeraksanaan budaya sekolah dan struktur sosial dalam konteks pendidikan multibudaya dalam kalangan guru terhadap pelaksanaan pendidikan multibudaya.

1.6 Soalan Kajian

Terdapat Soalan Kajian yang akan menjawab kepada lebih daripada satu objektif kajian iaitu Soalan Kajian 1 hingga 3 adalah bagi menjawab Objektif Kajian 1, Soalan Kajian 4 akan menjawab Objektif Kajian 2, Soalan Kajian 5 akan menjawab Objektif Kajian 3 dan Soalan Kajian 6 akan menjawab Objektif Kajian 4.

Oleh itu, kajian ini adalah untuk menjawab soalan berikut:

1. Apakah tahap pengetahuan guru berkaitan multibudaya dari aspek integrasi isi kandungan, pembinaan ilmu pengetahuan, pedagogi saksama, pengurangan prejudis dan pemeraksanaan budaya sekolah dan struktur sosial dalam kalangan guru sekolah kebangsaan di Negeri Sembilan?
2. Apakah tahap pelaksanaan guru berkaitan multibudaya dari aspek integrasi isi kandungan, pembinaan ilmu pengetahuan, pedagogi saksama, pengurangan prejudis dan pemeraksanaan budaya sekolah dan struktur sosial dalam kalangan guru sekolah kebangsaan di Negeri Sembilan?
3. Apakah tahap kepentingan berkaitan multibudaya dari aspek integrasi isi kandungan, pembinaan ilmu pengetahuan, pedagogi saksama, pengurangan prejudis dan pemeraksanaan budaya sekolah dan struktur sosial dari perspektif guru sekolah kebangsaan di Negeri Sembilan?
4. Adakah terdapat perbezaan tahap pengetahuan, pelaksanaan dan kepentingan pendidikan multibudaya dari aspek integrasi isi kandungan, pembinaan ilmu pengetahuan, pedagogi saksama, pengurangan prejudis dan pemeraksanaan budaya sekolah dan struktur sosial berdasarkan jantina, pengalaman mengajar guru serta lokasi sekolah.

5. Adakah terdapat sumbangan atau pengaruh pembolehubah pengalaman mengajar, tahap pengetahuan pendidikan multibudaya, persepsi guru terhadap kepentingan pendidikan multibudaya terhadap pelaksanaan pendidikan multibudaya di sekolah kebangsaan di Negeri Sembilan.
6. Adakah terdapat sumbangan atau pengaruh pembolehubah bebas iaitu pengetahuan integrasi isi kandungan, pembinaan ilmu pengetahuan, pedagogi saksama, pengurangan prejudis dan pemeraksanaan budaya sekolah dan struktur sosial dalam konteks pendidikan multibudaya dalam kalangan guru terhadap pelaksanaan pendidikan multibudaya di sekolah kebangsaan kebangsaan di Negeri Sembilan.

Persoalan kajian 4, 5 dan 6 akan dijawab melalui pengujian hipotesis nol seperti berikut;

Ho.1 hingga Ho.11 adalah berdasarkan kepada soalan kajian berikut:

- Ho1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap pengetahuan pendidikan multibudaya dari aspek integrasi isi kandungan, pembinaan ilmu pengetahuan, pedagogi saksama, pengurangan prejudis dan pemeraksanaan budaya sekolah dan struktur sosial berdasarkan jantina.
- Ho2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap pengetahuan pendidikan multibudaya dari aspek integrasi isi kandungan, pembinaan ilmu pengetahuan, pedagogi saksama, pengurangan prejudis dan pemeraksanaan budaya sekolah dan struktur sosial berdasarkan pengalaman mengajar.

Ho3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap pengetahuan pendidikan multibudaya dari aspek integrasi isi kandungan, pembinaan ilmu pengetahuan, pedagogi saksama, pengurangan prejudis dan pemeraksanaan budaya sekolah dan struktur sosial berdasarkan lokasi sekolah.

Ho4: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap pelaksanaan pendidikan multibudaya dari aspek integrasi isi kandungan, pembinaan ilmu pengetahuan, pedagogi saksama, pengurangan prejudis dan pemeraksanaan budaya sekolah dan struktur sosial berdasarkan jantina.

Ho5: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap pelaksanaan pendidikan multibudaya dari aspek integrasi isi kandungan, pembinaan ilmu pengetahuan, pedagogi saksama, pengurangan prejudis dan pemeraksanaan budaya sekolah dan struktur sosial berdasarkan pengalaman mengajar.

Ho6: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap pelaksanaan pendidikan multibudaya dari aspek integrasi isi kandungan, pembinaan ilmu pengetahuan, pedagogi saksama, pengurangan prejudis dan pemeraksanaan budaya sekolah dan struktur sosial berdasarkan lokasi sekolah.

Ho7: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kepentingan pendidikan multibudaya dari aspek integrasi isi kandungan, pembinaan ilmu pengetahuan, pedagogi saksama, pengurangan prejudis dan pemeraksanaan budaya sekolah dan struktur sosial berdasarkan jantina.

Ho8: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kepentingan pendidikan multibudaya dari aspek kepentingan integrasi isi kandungan, pembinaan ilmu pengetahuan, pedagogi saksama, pengurangan prejudis dan pemeraksanaan budaya sekolah dan struktur sosial berdasarkan pengalaman mengajar.

Ho9: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kepentingan pendidikan multibudaya dari aspek integrasi isi kandungan, pembinaan ilmu pengetahuan, pedagogi saksama, pengurangan prejudis dan pemeraksanaan budaya sekolah dan struktur sosial berdasarkan lokasi sekolah.

Ho10: Tidak terdapat sumbangan atau pengaruh yang signifikan pembolehubah bebas iaitu pengetahuan pendidikan multibudaya, persepsi terhadap kepentingan pendidikan multibudaya dan pengalaman mengajar terhadap pelaksanaan pendidikan multibudaya di sekolah kebangsaan di Negeri Sembilan.

Ho11: Tidak terdapat sumbangan atau pengaruh yang signifikan pembolehubah bebas iaitu pengetahuan integrasi isi kandungan, pembinaan ilmu pengetahuan, pedagogi saksama, pengurangan prejudis dan pemeraksanaan budaya sekolah dan struktur sosial dalam konteks pendidikan multibudaya dalam kalangan guru terhadap pelaksanaan pendidikan multibudaya di sekolah kebangsaan di Negeri Sembilan.

1.8 Batasan Kajian

Kajian ini akan melibatkan penganalisan maklumat seterusnya dapat membantu pihak Kementerian Pendidikan Malaysia untuk merangka program bagi meningkatkan profesionalisme dalam kalangan guru terutamanya dari aspek multibudaya di Malaysia. Batasan kajian membolehkan pengkaji memberi fokus kepada skop kajian mengikut kerangka konseptual kajian yang ditetapkan. Berikut merupakan batasan kajian dalam melaksanakan kajian ini:

- 1) Kajian yang dijalankan berbentuk kajian rentas menggunakan persampelan rawak berstrata. Perolehan data berfokuskan kepada guru yang mengajar di Sekolah Rendah (Sekolah Kebangsaan) yang mempunyai murid terdiri daripada kaum Melayu, Cina dan India. Mereka dipilih sebagai peserta kajian kerana mempunyai keupayaan untuk menepati objektif kajian dan menjawab persoalan kajian.
- 2) Kajian ini terbatas kepada guru-guru yang mengajar di Sekolah Kebangsaan di Negeri Sembilan sahaja. Guru-guru yang terlibat adalah guru-guru yang mengajar Tahun 4 hingga Tahun 6. Kajian ini tidak mewakili semua guru yang mengajar di Sekolah Kebangsaan yang terdapat di Malaysia kerana setiap sekolah mempunyai isu dan permasalahan yang berlainan.
- 3) Kajian ini melibatkan guru-guru yang sedang mengajar di Sekolah Kebangsaan di bawah bantuan kerajaan yang mempunyai murid yang terdiri daripada kaum Melayu, Cina dan India tanpa mengambil kira nisbah bilangan murid mengikut ketiga-tiga kaum tersebut. Dapatan kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada semua guru yang sedang mengajar di Sekolah Kebangsaan bantuan kerajaan yang lain.
- 4) Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini berdasarkan 5 dimensi Pendidikan Multibudaya (Banks & Banks, 2019) iaitu integrasi isi kandungan, pembinaan ilmu pengetahuan, pedagogi saksama, pengurangan prejudis dan pemeraksanaan budaya sekolah dan struktur sosial.
- 5) Tempoh masa yang akan digunakan dalam menjalankan soal selidik tersebut adalah selama tiga bulan sahaja. Bilangan peserta kajian adalah berdasarkan jumlah guru yang mengajar di Sekolah Kebangsaan yang mempunyai murid Melayu, Cina dan India bagi setiap daerah di Negeri Sembilan. Guru-guru yang

mengajar di sekolah yang mempunyai murid Orang Asli dan lain-lain bangsa atau etnik perlu untuk dipertimbangkan kerana dikhuatiri data yang diperolehi tidak menepati objektif yang diperlukan.

- 6) Peserta kajian dipilih oleh pentadbir sekolah. Peserta kajian yang dipilih berkemungkinan adalah peserta kajian yang boleh dipercayai.

1.9 Kepentingan Kajian

Pendidikan memainkan peranan utama dalam mana-mana negara untuk mencapai pertumbuhan ekonomi dan pembangunan nasional. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 menyatakan bahawa pendidikan merupakan asas kepada pembangunan dan perpaduan negara. Murid dari semua golongan etnik, agama, budaya, bahasa, sosial dan latar belakang yang berbeza perlu didedahkan dengan pendidikan (Wahab, 2014). Oleh yang demikian, para pendidik, kerajaan dan pembuat polisi perlu memastikan agenda transformasi pendidikan mencapai objektif serta memastikan setiap pelajar tanpa mengira sosio-ekonomi, agama dan latar belakang etnik dan budaya turut mendapat manfaat dan peluang yang saksama. Oleh itu, dapatan kajian ini mempunyai impak kepada pihak yang berkepentingan.

Pertamanya, kajian ini berguna untuk negara yang mempunyai penduduk yang terdiri daripada pelbagai kaum dan amalan budaya. Kekurangan kajian dalam bidang ini terutamanya di peringkat tempatan berkemungkinan untuk menjadikan hasil kajian ini nanti mampu memberi nilai tambah yang baharu kepada pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Hasil dapatan yang diperolehi diharap dapat menjadi

garis panduan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dalam merancang program ke arah pembinaan negara dan identiti nasional. Hasil kajian ini diharapkan agar dapat dimanfaatkan oleh Institut Pendidikan Guru dan universiti dalam menyediakan kerangka latihan bagi bakal-bakal guru-guru yang mengajar murid daripada pelbagai kaum dan budaya terutama dari segi pedagogi. Ianya juga diharap dapat membantu guru mempelbagaikan aktiviti-aktiviti yang sesuai dengan kehendak murid seterusnya meningkatkan pencapaian pendidikan mereka.

Kedua, data terkini hasil daripada kajian yang akan diperoleh juga nanti dilihat boleh diguna pakai bagi tujuan pendidikan. Bahagian penggubal dasar di peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia seperti Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD), Bahagian Pembangunan Kurikulum dan Bahagian Pengurusan Sekolah Kebangsaan boleh menggunakan dapatan kajian ini untuk memahami isu kritikal dan terkini yang berkaitan dengan pembelajaran yang melibatkan multibudaya dalam bilik darjah. Kepentingan kajian ini dari segi ilmu adalah sumbangan pengetahuan yang boleh digunakan untuk membangunkan pendidikan murid yang terdiri daripada pelbagai kaum dan budaya yang mampu membantu menyokong perkembangan dalam kehidupan serta pencapaian pendidikan mereka.

Ketiga, dapatan kajian ini juga diharapkan akan dapat memberi input kepada pihak sekolah yang terlibat secara langsung dengan murid yang terdiri daripada pelbagai kaum dan budaya seterusnya membolehkan mereka membuat perancangan strategik sepanjang tahun serta mengelolakan aktiviti yang turut melibatkan komuniti



dan ibu bapa. Ini dapat mewujudkan satu perkongsian dan kolaborasi secara berterusan yang akhirnya memberi impak positif kepada pencapaian dan prestasi akademik pelajar-pelajar secara tidak langsung. Dapatan kajian juga akan digunakan untuk dicadangkan dalam membina satu kerangka baharu yang berkaitan dengan pendidikan multibudaya. Cadangan kerangka baharu ini juga diharapkan dapat membantu pihak-pihak yang berkepentingan untuk meningkatkan keberkesanan dan kualiti pendidikan murid yang terdiri daripada multibudaya terutamanya di Sekolah Rendah di Semenanjung Malaysia.

Akhir sekali, kajian ini diharap akan dapat dijadikan panduan kepada dunia pendidikan bahawa sikap penerimaan dalam kalangan multibudaya dan etnik walaupun merupakan satu cabaran tetapi ianya tetap perlu dihadapi. Ini bagi membolehkan setiap



05-4506832 keunikan itu dikongsi, dihormati dan diterima sebagai lambang identiti kebangsaan. ptbupsi

Begitu juga dalam bidang sosiologi, kajian ini memberikan kesaksamaan pendidikan untuk ahli pelbagai kaum, etnik, budaya, dan kumpulan sosioekonomi, akan memudahkan penyertaan mereka sebagai warganegara yang kritis dan reflektif dalam budaya sivik nasional yang inklusif. Maka disinilah perpaduan akan wujud di kalangan ahli masyarakat. Seperti yang kita maklum, perpaduan ini adalah ibarat tiang kepada kemakmuran dan keharmonian negara serta membantu dalam merealisasikan impian negara iaitu menghasilkan modal insan bertaraf dunia.





1.10 Definisi Istilah

Istilah yang terdapat pada kerangka konseptual kajian perlu didefinisi secara operasi mengikut konteks kajian ini. Definisi istilah mengikut kamus, pandangan individu dan pengkaji terdahulu.

1.10.1 Multibudaya

Menurut Chebankova (2013), pengetahuan terhadap multibudaya menjadi penting terutama apabila seseorang itu harus berinteraksi dengan mereka yang berbeza budaya. Oleh itu menurut Benet-Martinez (2012), multibudaya adalah terdiri daripada mereka yang tinggal di sesebuah negara yang terdiri daripada campuran kaum dan etnik, pelajar yang belajar luar daripada negara mereka sendiri, pendatang malah seseorang yang dikatakan menumpang tinggal di sesebuah negara juga boleh dikategorikan sebagai multibudaya. Dursunoğlu dan Şegün (2020) pula menyatakan bahawa multibudaya bukanlah tentang perbezaan dan identiti seseorang individu, tetapi ia adalah berkaitan dengan perbezaan dan identiti yang diintegrasikan daripada unsur budaya seperti bahasa, agama dan etnik. Dalam kata lain, adalah perlu dalam multibudaya untuk mempertimbangkan kesedaran kolektif, gaya hidup dan amalan sosial yang merupakan asas dalam membicarakan tentang multibudaya. Maka dalam kajian ini, multibudaya adalah budaya yang pelbagai terdapat di dalam bilik darjah di Malaysia dan fokus utama adalah kepada budaya kaum Melayu, Cina dan India.





1.10.2 Pendidikan Multibudaya

Banks dan Banks (2019) mendefinisikan Pendidikan Multibudaya sebagai tiga perkara iaitu satu idea atau konsep, gerakan reformasi pendidikan dan satu proses. Ianya menggabungkan idea semua pelajar tanpa mengira jantina, kelas sosial dan etnik, atau ciri-ciri budaya bagi memberi peluang sama rata terutama dalam pencapaian akademik. Ia merupakan satu falsafah yang menekankan kepentingan, hak dan kepentingan etnik dan kepelbagaian budaya dalam membentuk kehidupan individu, kumpulan dan bangsa. Ia juga memberi peluang kepada pelajar untuk menerima pendidikan bebas daripada bias dan mereka juga bebas meneroka perspektif dan budaya orang lain. Oleh itu, menerusi kajian ini, istilah Pendidikan Multibudaya merujuk kepada idea yang dikemukakan oleh Banks dan Banks (2019). Ia digunakan secara menyeluruh kerana ia merupakan teori yang digunakan sebagai kerangka konseptual dalam kajian ini.

1.10.3 Budaya

Budaya merupakan adat resam dan kepercayaan, seni, cara hidup, dan organisasi sosial sesebuah negara atau kumpulan (*Oxford University Press*, 2022). Ahmad (2014) pula menyatakan bahawa budaya adalah satu cara hidup yang diamalkan oleh kumpulan tertentu dan meliputi sosial, susunan organisasi ekonomi, politik, agama, kepercayaan, adat resam, sikap dan nilai. Ianya diwarisi secara turun-temurun dan merupakan himpunan kelengkapan intelektual dan kebendaan yang dapat memenuhi kehendak biologi dan kemasyarakatan serta dapat disesuaikan dengan persekitaran (Baharuddin, 2009). Berdasarkan konteks kajian ini, budaya etnik yang akan dikaji adalah terdiri dari kaum Melayu, Cina dan India.





1.10.4 Bangsa

Bangsa dan kebangsaan itu adalah kewarganegaraan atau kerakyatan (Husain, 2020). Von Rütte (2022) pula mendefinisikan bangsa sebagai status menjadi warganegara atau rakyat bagi negara tertentu; hubungan undang-undang antara warganegara dan negaranya dan biasanya melibatkan perlindungan dan sokongan serta melibatkan identiti kebangsaan yang tertentu; serta sekumpulan orang yang tergolong dalam negara tersebut juga melibatkan kumpulan etnik atau kaum. Oleh itu bangsa dalam kajian ini adalah melibatkan tiga kaum yang terbesar di Malaysia iaitu Melayu, Cina dan India.

1.10.5. Kaum



Suyemoto et.al. (2020) mendefinisikan kaum ialah sebagai perwakilan sosial yang dicipta untuk tujuan membentuk kumpulan sosial yang berkaitan dengan penampilan fizikal bagi mewujudkan dan mengekalkan hierarki kuasa antara kumpulan dan menguatkuasakan sistem keistimewaan, terutamanya antara orang kulit putih dan orang kulit berwarna. Santos (2009) pula menyatakan bahawa kaum adalah istilah yang bukan saintifik. Menurut beliau ia hanya melibatkan biologi seseorang dan hanya bermakna jika manusia itu adalah homogen. Misalannya jika ibu dan ayahnya daripada genetik yang sama, maka mereka adalah tergolong di dalam sesuatu kaum tersebut. Nakamura (2015), dalam kajiannya menyatakan bahawa istilah kaum telah diperkenalkan dan disebarkan semasa penjajahan British di Tanah Melayu. Beliau telah meneroka sebab-sebab penggunaan kaum secara meluas di Malaysia, dan berpendapat bahawa konsep kaum berguna untuk mewujudkan tanggapan bahawa terdapat tiga kumpulan etnik utama dalam Malaysia iaitu Melayu, Cina dan India. Berdasarkan kepada kesemua





penerangan di atas, dalam konteks kajian ini, kaum yang difokuskan adalah Melayu, Cina dan India kerana pelajar-pelajar yang terdapat di dalam bilik darjah di sekolah rendah di Negeri Sembilan adalah terdiri daripada tiga kaum utama ini

1.10.6 Etnik

Etnik ialah konsep dinamik pelbagai segi yang membangun dan mengukuhkan hubungan melalui pembentukan komuniti yang bersatu di sekitar persamaan budaya Suyemoto et.al. (2020). Walaupun diskriminasi antara kumpulan berdasarkan etnik bukanlah sesuatu yang luar biasa, etnik, pertalian atau pengkategorian terutamanya ditakrifkan dan dipilih oleh kumpulan dan/atau individu dalam kumpulan dan kerap memberikan rasa kekitaan dan keterangkuman yang positif. Nagaraj et al. (2009) menyatakan bahawa konsep etnik adalah agak pelbagai dimensi kerana ia merangkumi aspek seperti bangsa, asal usul atau keturunan, identiti, bahasa dan agama.

Di Malaysia, Melayu, Cina dan India lebih cenderung untuk menghargai bahasa, budaya dan agamanya, maka sebab itulah tiga etnik ini bersedia untuk mempertahankan dan menyebarkan (Guan, 2000). Terdapat juga subetnik yang ramai terutama di Sabah dan Sarawak (Bahari et al., 2019). Mereka antaranya adalah Iban, Kadazan Dusun dan banyak lagi. Oleh itu, dalam kajian ini etnik terbesar sahaja dilibatkan iaitu Melayu, Cina dan India kerana lokasi kajian adalah di Semenanjung Malaysia sahaja.



1.10.7 Integrasi Isi Kandungan

Integrasi isi kandungan adalah dimensi yang pertama pada Model 5 Dimensi Pendidikan Multibudaya yang dibangun oleh Banks (Banks & Banks, 2019). Integrasi isi kandungan memerlukan guru menggunakan contoh-contoh dan kandungan daripada multibudaya dan kumpulan bagi menggambarkan petunjuk kepada sesuatu konsep, prinsip, generalisasi dan teori dalam bidang pelajaran atau disiplin. Penggabungan kandungan etnik dan budaya ke dalam mata pelajaran adalah sesuatu yang logik jika dilaksanakan dengan baik (Banks & Banks, 2019). Oleh itu, Dalam konteks kajian ini, integrasi kandungan merujuk kepada sejauh mana guru-guru memahami contoh-contoh dan kandungan multibudaya dan kumpulan yang terdapat dalam mata pelajaran atau disiplin yang merupakan petunjuk kepada sesuatu konsep, prinsip, generalisasi dan teori.

1.10.8 Pembinaan Ilmu Pengetahuan

Pembinaan ilmu pengetahuan adalah dimensi yang kedua pada Model 5 Dimensi Pendidikan Multibudaya yang dibangun oleh Banks (Banks & Banks, 2019). Dimensi ini menerangkan aktiviti-aktiviti pengajaran yang membantu pelajar memahami, menyiasat dan menentukan apa maksud tersirat, kerangka rujukan, perspektif dan bias boleh mempengaruhi penulisan dalam sesuatu kajian dan buku teks. Menurut Hashim et.al (2018) pula, pembinaan ilmu pengetahuan adalah merupakan nadi kepada sesuatu proses pembelajaran yang akhirnya menentukan kejayaan sesuatu pembelajaran. Dalam pembelajaran yang melibatkan kognitif dan konstruktivisme, pembinaan ilmu pengetahuan memainkan peranan yang penting bagi memastikan

keberkesanan pembelajaran dengan memfokuskan bagaimana manusia memporsese informasi dan menukarkannya kepada pengetahuan. Dalam konteks kajian ini, pembinaan ilmu pengetahuan akan merujuk kepada bantuan guru kepada pelajar untuk memahami, menyiasat serta menentukan bagaimana andaian terhadap budaya, kerangka kajian, perspektif dan budaya mempengaruhi pembinaan ilmu pengetahuan dalam sesuatu disiplin itu.

1.10.9 Pedagogi Saksama

Pedagogi saksama adalah dimensi yang ketiga pada Model 5 Dimensi Pendidikan Multibudaya yang dibangunkan oleh Banks (Banks & Banks, 2019). Ia wujud apabila guru mengubahsuai cara pengajaran mereka bagi memudahkan pelajar yang terdiri daripada pelbagai bangsa, budaya, sosio-ekonomi dan bahasa mencapai kejayaan dalam pencapaian akademik mereka. Pedagogi saksama menggunakan pelbagai pendekatan dan cara mengajar, konsisten dengan keperluan sesuatu kumpulan budaya tersebut (Banks & Banks, 2019). Gates (2006) menjelaskan bahawa dalam melaksanakan pedagogi saksama ini, guru mengamalkan pengajaran responsif budaya iaitu dengan menggunakan bahan-bahan dan latihan-latihan instruksional dengan menggabungkan aspek-aspek penting yang terdapat dalam keluarga dan budaya komuniti pelajar mereka. Guru responsif budaya juga menggunakan “pengetahuan budaya, pengalaman sedia ada, kerangka rujukan dan gaya persembahan pelajar-pelajar pelbagai etnik akan menjadikan pembelajaran relevan dan berkesan (Gay, 2018). Dalam konteks kajian ini, pedagogi saksama akan melihat bagaimana guru menggunakan gaya pengajaran yang berbeza mengikut keperluan murid yang pelbagai.

1.10.10 Pengurangan Prejudis

Pengurangan prejudis adalah dimensi yang keempat pada Model 5 Dimensi Pendidikan Multibudaya yang dibangun oleh Banks (Banks & Banks, 2019). Dimensi ini membantu pelajar membangunkan sikap positif dan demokratik terhadap bangsa. Ia juga membantu pelajar memahami bagaimana identiti etnik dipengaruhi oleh konteks persekolahan dan sikap serta kepercayaan kumpulan yang dominan. Strategi bagi mengurangkan prejudis boleh dilakukan secara tradisional, pendekatan yang lebih halus atau berbentuk kontemporari (Gaertner & Dovidio, 2000). Bagi pengurangan prejudis yang melibatkan tradisi, pendekatan melalui pendidikan adalah sangat berkesan. Dalam konteks kajian ini pengurangan prejudis akan melihat sejauh mana guru menggunakan langkah-langkah yang bertujuan untuk mengurangkan bias dan meningkatkan pemahaman bersama tentang perbezaan.

1.10.11 Pemeraksanaan Budaya Sekolah dan Struktur Sosial

Pemeraksanaan budaya sekolah dan struktur sosial (*An empowering school culture and social structure*) adalah dimensi yang kelima pada Model 5 Dimensi Pendidikan Pelbagai Budaya yang dibangun oleh Banks (Banks & Banks, 2019). Dimensi ini melibatkan penstrukturan budaya dan organisasi sekolah supaya pelajar yang terdiri daripada multibudaya, etnik, sosio-ekonomi dan bahasa menerima kesaksamaan. Semua kakitangan sekolah memeriksa dan mengubah struktur budaya dan sosial yang tedapat di sekolah mereka (Gates, 2006). Amalan-amalan berkumpul dan melabel, penglibatan pelajar dalam sukan, pencapaian yang tidak seimbang, kadar enrolmen

yang berbeza di dalam program pendidikan yang istimewa, interaksi antara staf dengan pelajar merentasi etnik dan bangsa adalah variabel yang sangat penting untuk diperiksa dan dibentuk semula (Banks & Banks, 2019). Dalam konteks kajian ini, istilah pemeraksanaan budaya sekolah dan struktur sosial merujuk kepada proses penstrukturan semula budaya dan organisasi sekolah bagi membolehkan pelajar pelbagai bangsa, etnik dan kelas sosial menerima pendidikan saksama serta pemeraksanaan.

1.10.12 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025

Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2015 adalah satu kajian semula sistem pendidikan di Malaysia dan ianya dilancarkan pada tahun 2011 oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. PPPM dilaksanakan kerana kerajaan menyedari hakikat bahawa sistem pendidikan Malaysia perlu terus berkembang supaya dapat memenuhi aspirasi negara yang kian meningkat dan juga dapat bersaing dengan negara lain yang standing menyediakan modal insan yang mampu berfikir dengan lebih kritis, kreatif dan inovatif.

1.10.13 Guru Sekolah Rendah

Lunenberget al. (2014) mendefinisikan guru sebagai seseorang yang mengajar di premis pendidikan. Mereka ini terdiri daripada pelbagai kumpulan, latar belakang dan bekerja di persekitaran yang berbeza. Guru juga adalah merupakan orang yang menyampaikan program pendidikan, menilai penyertaan pelajar dalam program pendidikan, dan/atau mentadbir atau memberikan kepimpinan yang konsisten dan ketara kepada program pendidikan (Lal, 2016). Dalam konteks kajian ini, guru sekolah rendah adalah guru yang telah mendapat latihan perguruan di institusi pengajian tinggi



atau universiti tempatan atau luar negara dan mengajar di sekolah kebangsaan di Semenanjung Malaysia.

1.11 Rumusan

Berdasarkan perbincangan dalam bab ini, jelaslah menunjukkan bahawa kajian ini adalah bertujuan mewujudkan pendidikan yang relevan dengan keperluan masyarakat Malaysia yang terdiri daripada multibudaya berdasarkan analisis matlamat, pelaksanaan dan hasil pendidikan yang diperolehi. Kajian memberi tumpuan kepada perubahan yang perlu dilakukan oleh setiap pihak bagi memastikan kejayaan setiap pelajar, tanpa mengambilkira latar belakang budaya kerana pendidikan sekarang dilihat memerlukan penambahbaikan terutama dari segi pedagogi dalam bilik darjah yang terdiri daripada murid berlatar belakang multibudaya.

Pelaksanaan pendidikan yang komprehensif dan sesuai dengan latar belakang pelajar yang terdiri daripada pelbagai kaum dan budaya membantu mereka mencapai kesan yang positif. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 meletakkan perpaduan sebagai salah satu daripada lima aspirasi sistem. Murid dikatakan menghabiskan lebih banyak masa berada di sekolah, maka di sinilah tempat yang paling utama untuk memupuk dan membentuk perpaduan. Dengan memperkenalkan pendidikan multibudaya dalam proses pembelajaran, murid akan berinteraksi bersama-sama yang terdiri daripada pelbagai jurang sosio-ekonomi, agama dan budaya.



Namun begitu kesedaran guru terhadap kepelbagaian budaya di kalangan pelajar berkemungkinan menjadi faktor penghalang kepada mereka untuk mendapat pendidikan yang sewajarnya. Kerangka konseptual kajian ini dibina berasaskan model Pendidikan Multibudaya yang dibangunkan oleh Banks (Banks & Banks, 2019). Istilah yang terdapat dalam kerangka konseptual didefinisi dan diperjelaskan mengikut konteks kajian ini. Batasan kajian memberi gambaran kepada had pelaksanaan kajian yang dijalankan.